

Newspaper

Berita Harian

Date

21 February 2016

# Pelajar UMP berpeluang selami ketokohan PM, bapa

**Pekan:** Pameran legasi kepemimpinan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, memberi peluang kepada belia dan pelajar untuk mengenali ketokohan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan anakandanya, Datuk Seri Najib Razak.

Pameran dua hari di Dewan Bankuet Bangunan Canselero Tun Abdul Razak itu diadakan hasil kerjasama UMP dengan The News Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) sempena 40 tahun pembabitan Najib dalam politik.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Pengurusan Industri UMP, Nur Amalina Adilah Jaafar, 21, berkata beliau berbangga kerana berpeluang menyelami suasana era kepemimpinan kedua-dua tokoh yang juga anak jati Pahang.

Beliau berkata, semua pihak wajar mengambil peluang untuk melihat sendiri pameran fotografi itu bagi mengenali lebih dekat pemimpin nombor satu negara



*Pelajar melihat koleksi gambar pada pameran legasi kepemimpinan di UMP, semalam.*

(FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

dalam dua era berbeza.

"Koleksi gambar yang dipamerkan ini juga membantu kita mengenali lebih dekat Allahyarham Tun Abdul Razak dan Najib serta

persamaan personaliti yang ada pada mereka.

"Sebagai contoh, gambar Najib ketika melawat dan beramah mesra bersama masyarakat kam-

pung ketika mula dilantik sebagai Menteri Besar Pahang pada tahun 1984 memberi inspirasi kepada generasi muda bahawa umur bukan penghalang untuk menjadi

pemimpin yang berjaya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pelajar Tahun Satu Fakulti Elektrik dan Elektronik UMP, Noradila Mohd Bakri, 20, menyifatkan pameran fotografi itu seperti terowong masa dan memberi ilmu pengetahuan tambahan kepada generasi muda sepertinya.

Beliau berkata, orang ramai mudah memahami mesej bagi setiap gambar yang dipamerkan termasuk mengetahui lokasi dan tarikh ia diambil.

"Kebanyakan gambar dirakam ketika saya masih belum lahir lagi, jadinya ini membantu untuk mendapatkan gambaran bagaimana pembangunan dan kehidupan masyarakat, termasuk di luar bandar ketika itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Pejabat Naib Canselor UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, berkata pameran itu wajar dihayati semua pihak untuk dijadikan inspirasi kepada generasi muda.